

Dr Omar Diiktiraf Tokoh Akademik Negara 2010
mStar Online
Oktober 10, 2011
Oleh IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

KUALA LUMPUR: Profesor Emeritus Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman diiktiraf sebagai penerima Anugerah Tokoh Akademik pada Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2009 dan 2010 di sini, Isnin.

Dr Omar merupakan pakar veterinar Malaysia pertama mendapat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Cambridge, United Kingdom.

Selain itu, beliau merupakan profesor dan dekan pertama yang dilantik oleh Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia atau UPM) bagi Fakulti Perubatan Veterinar dan Sains Haiwan UPM.

Ini menjadikan beliau sebagai antara ahli akademik pengasas bagi pembangunan UPM.

Anugerah Tokoh Akademik Negara 2010 disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Majlis turut dihadiri oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk AAN 2009 dan 2010.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd
Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/10/10/mstar_berita/20111010123723&ec=mstar_berita